



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**  
(Department of Fisheries Malaysia  
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)  
**ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**

62628 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8000 8000  
No. Faks : 03-8889 5490  
Emel : pro@dof.gov.my

Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

## KENYATAAN MEDIA

### **PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK & PELEPASAN BENIH KETAM RENJUNG**

**DI JETI PANGKALAN PENGHULU, SERKAT, PONTIAN**

**08 MAC 2019 (JUMAAT) JAM 2:30 PETANG**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengadakan **Kerjasama Strategik** bersama pihak International Institute of Aquaculture & Aquatic Sciences (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah menghasilkan **benih Ketam Renjung** secara konsisten bermulanya di Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan.
2. Berdasarkan potensi spesies Ketam Renjung atau nama saintifiknya *Portunus pelagicus*, DOF melaksanakan **pelepasan benih Ketam Renjung** secara berkala di perairan Port Dickson; **Pontian**, Johor; dan Setiu, serta kawasan-kawasan lain yang akan dikenalpasti.
3. Data statistik merekodkan **pendaratan Ketam Renjung di Negeri Johor** adalah sebanyak **1.8 tan metrik setahun** di mana 75% (1.35 t.m) darinya adalah dari Johor Barat dan Daerah Pontian.
4. Melalui pelepasan sebanyak **15 ribu ekor benih di Mukim Serkat pada hari ini**, dijangkakan sebanyak 2.2 tan metrik ketam akan dihasilkan dalam tempoh 6 bulan dan mampu **meningkatkan pendapatan hampir RM700 sebulan** kepada nelayan sediada yang menangkap ketam di Mukim Serkat ini.
5. DOF juga berhasrat untuk menjalankan **ternakan Ketam Renjung melalui sistem kepungan (pen culture)** di kawasan pantai yang bersesuaian, melibatkan penyertaan komuniti perikanan #myKP yang telah dikenalpasti.
6. Institut Penyelidikan Perikanan (FRI Gelang Patah) juga sedang menjalankan penyelidikan ternakan ketam renjung dalam kolam tanah atau 'raceway'.
7. Di Pontian, **27 orang Ketua Jaringan Perikanan (KJP)** telah dilantik mewakili nelayan di setiap pangkalan bagi tujuan menambahbaik dan

memperluaskan program Jabatan **melibatkan komuniti di setiap rantaian nilai.**

8. DOF mengenalpasti program dan inovasi terkini antaranya **Ketam Renjung dan Kupang P-Line** yang dapat diperluaskan untuk membantu kumpulan sasaran Jabatan dalam meningkatkan pendapatan mereka.
9. Selain aktiviti menangkap ikan, komuniti perikanan di Mukim Serkat ini juga menjalankan aktiviti menambah pendapatan seperti membawa pemancing, membaiki enjin bot dan sampan, menternak kelulut, kraftangan (replika jong, bubu dan sampan), ternakan kupang, menanam gaharu untuk produk hasilan gaharu (sabun), menjual umpan hidup (udang) dan rumah rakit pemancing.
10. Industri Asas Tani juga agak berkembang di Daerah Pontian melibatkan Pontian Besar dan Pontian Kecil yang mengusahakan produk otak-otak, ikan kering, surimi, otoshimi dan jualan ikan segar di pasar-pasar nelayan di sekitar Sungai Cengih, Ayer Baloi dan Pangkalan Hulu Serkat.

**####**

### **Unit Komunikasi Korporat**

Jabatan Perikanan Malaysia

**08 Mac 2019 (Jumaat)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen) ; 013-631 7313 (Mohd Sharir)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)